



05 SEP, 2020

Madu kelulut asli Abdul Rahman dicari ramai

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

Madu kelulut asli Abdul Rahman dicari ramai

BALIK PULAU: Sewaktu usahawan lain bergelut untuk meneruskan perniagaan mereka ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), berlainan pula dengan seorang pengusaha dan penternak kelulut di Pondok Upeh di sini.

Abdul Rahman Mad Taib, 73, tidak perlu bersusah payah memasarkan produk madu kelulutnya kerana hampir setiap hari pelanggan pasti datang ke rumah untuk membeli madu kelulut asli keluarannya.

Madu kelulut yang diusahakan bekas kakitangan keselamatan Malaysian Airlines Bhd. itu telah dikenali ramai hasil usaha Abdul Rahman mempromosi madu kelulutnya di pasar-pasar

tani sejak lima tahun lalu.

Abdul Rahman berkata, madu kelulut yang mempunyai pelbagai khasiat itu mendapat permintaan yang tinggi terutama ketika wabak Covid-19 melanda.

"Saya tidak dapat keluar berniaga di pasar tani ketika PKP, jadi setiap hari pelanggan yang cari saya kerana mereka tahu madu kelulut yang saya jual adalah madu asli.

"Saya tidak mencampurkan bahan tambahan seperti air atau gula di dalam madu kelulut ini kerana mahu mengekalkan khasiatnya," katanya ketika ditemui semalam.

Menurut Abd. Rahman, madu kelulut yang dipercayai dapat membantu menguatkan antibodi

badan serta membantu meredakan batuk dan selesema menjadi antara sebab mengapa ramai pelanggan secara konsisten mencari madu kelulut asli keluarannya.

Katanya, dia mempunyai 30 sarang lebah kelulut spesies Itama yang diletakkan di sekitar rumah dan di kebun limau berhampiran rumahnya.

"Secara purata madu kelulut dituai sekitar dua kali setahun dan jika musim panas madu yang diperolehi adalah sekitar 10 hingga 15 kilogram.

"Madu kelulut mampu bertahan lama dan jika disimpan hanya warnanya yang akan bertukar menjadi lebih gelap namun khasiatnya tetap sama," katanya.



ABDUL Rahman Mad Taib menuai madu kelulut yang ditenaknya ketika ditemui di Pondok Upeh, Balik Pulau, Pulau Pinang. - UTUSAN/AMIR IRSYAD OMAR



05 SEP, 2020

Madu kelulut asli Abdul Rahman dicari ramai

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

BALIK PULAU: Sewaktu usahawan lain bergelut untuk meneruskan perniagaan mereka ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), berlainan pula dengan seorang pengusaha dan penternak kelulut di Pondok Upeh di sini. Abdul Rahman Mad Taib, 73, tidak perlu bersusah payah memasarkan produk madu kelulutnya kerana hampir setiap hari pelanggan pasti datang ke rumah untuk membeli madu kelulut asli keluarannya. Madu kelulut yang diusahakan bekas kakitangan keselamatan Malaysian Airlines Bhd.